

1807/MB
NNNN

PARLIMEN-KERJASAMA

1982

KUALA LUMPUR, 5 NOV. (BERNAMA) -- MALAYSIA TELAH MEMBERI PENGAKUAN UNTUK MEMBANTU BEBERAPA NEGARA KECIL DI PASIFIK SELATAN SEPerti FIJI DI BAMPING KEPULAUAN MALDIVE DAN BANGLADESH DALAM BIDANG-BIDANG LATIHAN DAN KEPAKARAN TERTENTU, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

PERDANA MENTERI MEMBERITAHU DEWAN RAKYAT HARI INI USAHA-USAHA SEDANG DIBUAT UNTUK MENYEDIAKAN KEMUDAHAN LATIHAN DAN JUGA MEMINJAMKAN PAKAR-PAKAR DALAM BIDANG-BIDANG TERTENTU KEPADA NEGARA-NEGARA TERSEBUT.

KATANYA MEMANGLAH MENJADI DASAR LUAR NEGARA INI PADA JANGKA PANJANG UNTUK MEMBANTU NEGARA-NEGARA YANG MEMERLUKAN BANTUAN, MENGIKUT KEMAMPUAN, TANPA MEMIKIRKAN BALASAN YANG SEGERA DARI NEGARA-NEGARA BERKENAAN.

BAGI TUJUAN TERSEBUT, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU TELAH PUN MENGADAKAN RUNDINGAN DENGAN 10 BUAH SYARIKAT KERAJAAN DAN SWASTA YANG BESAR BAGI MENYEDIAKAN BANTUAN DI BIDANG PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN.

KERJASAMA DALAM USAHASAMA ANTARA SYARIKAT-SYARIKAT TERSEBUT DENGAN RAKAN DI NEGARA-NEGARA BERKENAAN BUKANLAH UNTUK Mencari Keuntungan Semata-mata, Katanya kepada beberapa pertanyaan anggota-anggota Dewan. -- LAGI 1755/PA

NNNN

PARLIMEN-KERJASAMA 2 KUALA LUMPUR

KATANYA BELIAU JUGA TELAH BERUNDING DENGAN PARA PEGAWAI DAN KETUA JABATAN BAGI MENGENALPASTI LATIHAN YANG BOLEH DIBERI DAN PAKAR-PAKAR YANG BOLEH DIHANTAR KE NEGERI-NEGERI YANG MEMERLUKANNYA.

RISALAH-RISALAH MENGENAI BIDANG LATIHAN DAN KEPAKARAN YANG AKAN DI-SEDIAKAN OLEH MALAYSIA SEDANG DISIAPKAN DAN AKAN DIEDARKAN KEPADA KERAJAAN-KERAJAAN BERKENAAN, KATANYA KEPADA SOALAN ENCIK LEE LAM THYE (DAP-KUALA LUMPUR BANDAR).

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KERAJAAN BELUM BERCADANG BUAT MASA INI UNTUK MENGHANTAR ANGGOTA-ANGGOTA PARLIMEN KE NEGARA-NEGARA BERKENAAN KERANA IA AKAN MEMERLUKAN PERBELANJAAN YANG BESAR SEDANGKAN PULANGAN DARI LAWATAN ITU TIDAK AKAN SETIMPAL DENGAN PERBELANJAAN TERSEBUT.

KEPADA PERTANYAAN HAJI HASHIM ENDUT (BN-HULU MUDA), BELIAU BERKATA FIJI BERMINAT DALAM BIDANG PERTANIAN SEPERTI TANAMAN KELAPA SAWIT YANG MANA MALAYSIA MEMANG MEMPUNYAI KEPAKARAN YANG DIPERLUKAN ITU.

PERDANA MENTERI BERKATA MALAYSIA TIDAK BERHASRAT UNTUK MEN-DAPATKAN FAEDAH SEGERA DARI BANTUAN-BANTUAN YANG DISEDIAKAN ITU KERANA YANG PENTING IALAH MENJALANKAN HUBUNGAN BAIK DENGAN NEGARA-NEGARA TERSEBUT. --LAGI 1841/PA

PARLIMEN-KERJASAMA 3 KUALA LUMPUR

KEPADA PERTANYAAN ENCIK NG CHENG KUAI (BN-LUMUT), DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PENGAKUAN MALAYSIA UNTUK MENYEDIAKAN BANTUAN-BANTUAN BERKENAAN BUKANNYA BERERTI NEGARA HENDAK MENUNJUK-NUNJUK YANG IA SEBUAH NEGARA YANG BEGITU MAJU DAN BERKEMAMPUAN.

KATANYA PENGAKUAN ITU IALAH SEBAGAI PENYATAAN HASRAT MALAYSIA UNTUK BEKERJASAMA DAN, TAMBAHNYA, MALAYSIA AKAN MEMBUKTIKAN PENGAKUANNYA ITU. -- BERNAMA 1845/PA